

NAMA : _____

KELAS : _____

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5 2021
PERNIAGAAN
Kertas 2
November
2 ¼ Jam**



SMK
..... GERIK, PERAK

PERNIAGAAN

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C***
2. *Jawab **lima** soalan di **bahagian A, Dua Soalan di bahagian B dan Satu soalan wajib di bahagian C***
2. *Jawab semua soalan di kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....
()
Guru Matapelajaran Perniagaan

.....
()

.....

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Gambar 1 berkaitan dengan suatu bentuk perniagaan.



Gambar 1

Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan bagi gambar 1.


[4 Markah]

- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan En. Azman, pengusaha kilang keropok.

En. Azman adalah seorang kilang keropok di Beserah, Kuantan. Beliau menghasilkan pelbagai jenis keropok yang diedarkan melalui para pemborong. Beliau menggaji seramai 15 orang pekerja tetap di kilangnya. Pada mulanya, hasil jualan tahunan adalah sebanyak RM750 000.

Nyatakan klasifikasi perniagaan En. Azman mengikut saiz dan sektor. [4 markah]

- (c) Lengkapkan rajah yang berikut bagi menunjukkan skala perniagaan.



i) X :

ii) Y :

[2 Markah]

2. Berikut ialah contoh logo agensi pihak berkuasa tempatan.



Merujuk kepada agensi di atas,

- (a) Apakah peranan agensi Pihak Berkuasa Tempatan. [4 markah]
- (b) Nyatakan tanggungjawab lain Pihak Berkuasa Tempatan selain yang dinyatakan di 2(a). [4 markah]
- (c) Berikan **dua** objektif yang ditetapkan dalam sesebuah perniagaan. [2 markah]
3. (a) Jelaskan maksud visi dan objektif sesebuah syarikat perniagaan. [2 markah]
- (b) Terangkan 3 trend persekitaran perniagaan. [6 markah]
- (c) Nyatakan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek trend. [2 markah]
- 4 (a) Pengurusan sumber manusia memainkan peranan yang penting dalam perniagaan. Nyatakan **dua** peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan. [2 markah]
- (b) Gambar 1 menunjukkan logo dan slogan sebuah syarikat pengeluar kereta tempatan.




Gambar 1

Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia syarikat tersebut di dalam menjadikan syarikat tersebut sebuah perniagaan yang mampan. [4 markah]

- (c) Huraikan **dua** prosedur mengurus sumber fizikal dalam operasi sesebuah perniagaan. [4 markah]

- 5 (a) Gambar 2 di bawah menunjukkan sumber fizikal dan sumber teknologi bagi sebuah agensi pengiklanan, iaitu Osem Creative Sdn. Bhd.



Gambar 2

Jelaskan perkaitan antara pengurusan sumber fizikal dan sumber teknologi bagi Osem Creative Sdn. Bhd. [6 markah]

- (b) Logo 1 menunjukkan satu bentuk sumber pembiayaan perniagaan.



Nyatakan sumber pembiayaan tersebut. [1 markah]

- (c) Pernyataan berikut berkaitan dengan Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz seorang suri rumah tangga ingin memulakan perniagaan menjual rojak pasembur di sebuah pasar malam. Anggaran kos permulaan ialah RM4 000.

Cadangkan sumber pembiayaan yang sesuai untuk Puan Mumtaz bagi memulakan perniagaan. Berikan alasan anda. [3 markah]

6. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Alya.

Puan Alya sangat suka menghasilkan pelbagai rekaan pakaian. Pakaian-pakaian rekaan beliau sering mendapat pujian daripada keluarga dan rakan-rakan. Rakan-rakan Puan Alya menggalakkan beliau membuka perniagaan butik pakaian kerana rakan-rakannya yakin pakaian-pakaian yang direka oleh Puan Alya akan laris di pasaran. Berbekalkan modal berjumlah RM80 000, Puan Alya ingin menubuhkan sebuah perniagaan bagi membekalkan pakaian pelbagai rekaan kepada pelanggan-pelanggannya.

Terangkan ciri-ciri keperibadian usahawan yang perlu dimiliki oleh Puan Alya untuk menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan. [4 markah]

- (b) Jelaskan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya dari aspek matlamat peribadi dan objektif perniagaan. [6 markah]

Bahagian B

[30 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

7. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan fabrik.

Nyonya Curtain (NC) merupakan satu empayar perniagaan fabrik dan langsir yang mempunyai cawangan di seluruh Malaysia. Kini, syarikat ini menjual pelbagai rangkaian produk seperti perabot, hiasan dalaman dan juga beg tangan.

Jelaskan klasifikasi perniagaan tersebut.

[4 markah]

- (b) Carta di bawah menunjukkan maklumat situasi trend perniagaan.

Terangkan **dua** faktor utama yang mempengaruhi trend perniagaan tersebut. [5 markah]

- (c) Maklumat yang berikut berkaitan dengan visi, misi dan objektif perniagaan Bread Basket, sebuah syarikat milikan tunggal dengan modal permulaan RM80 000 di Kuala Terengganu.

Motto	Roti Sedap dan Manis
Visi	Menjadi syarikat terbaik di industri kek dan bakeri halal
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> * mencipta peluang perniagaan dalam industri kek dan bakeri. * membangunkan satu konsep perniagaan rangkaian kek dan bakeri yang bertaraf dunia meliputi seluruh negara. * peningkatan 45% keuntungan setahun.

Pengurus Bread Basket mendapati keuntungan yang diperoleh tidak mencapai objektif. Beliau bercadang untuk mengubah objektif perniagannya dengan mengaplikasikan analisis SWOT. Jelaskan analisis SWOT yang boleh digunakan untuk menyediakan semula objektif perniagaannya. [6 markah]

8. (a) Ali Enterprise merupakan sebuah syarikat menjual produk M. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan operasi Ali Enterprise bagi dua tahun yang lepas.

Tahun	Volum (unit)	Kos (RM)	Hasil Jualan
2018	83000	185 000	249000
2019	90750	200 500	272250

Harga jualan seunit, kos berubah seunit, dan kos tetap adalah malar bagi kedua-dua tahun. Kos berubah dijangka akan bertambah sebanyak RM0.20 seunit pada tahun 2020.

Jawab soalan berikut

(i) Hitung kos berubah seunit bagi produk M. [2 markah]

(ii) Hitung kos tetap bagi mengeluarkan produk M. [2 markah]

- (b) Huraikan faktor berikut yang dapat menyumbang kepada memulakan perniagaan

(i) Modal [2 markah]

(ii) Kemahiran [2 markah]

(iii) Lokasi [2 markah]

- (c)

Puan Nora merupakan Pengarah Syarikat Dimsum Halal. Beliau memperkenalkan produk dan mengunjungi restoran berhampiran bagi mempromosikan produknya. Disamping itu beliau menjalankan perniagaan online. Bagi memenuhi kehendak pengguna, beliau sentiasa mempelbagaikan produk Dimsum tersebut.

Jelaskan Ciri-ciri keperibadian yang mendorong Puan Nora Berjaya dalam perniagaannya. [5 markah]

9. (a) Soalan nombor 9 merujuk kepada dokumen di bawah

Syarikat Melati Enterprise			
Penyata X Bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Mac 2020			
	Jan RM	Feb RM	Mac RM
Baki b/b	150,000	A	145,900
<hr/>			
PENERIMAAN			
Jualan Tunai	80,000	B	110,000
Pinjaman	10,000	20,000	-
Jumlah Penerimaan	90,000	120,000	C
<hr/>			
PEMBAYARAN			
Kos Jualan	80,000	70,000	95,000
Gaji	D	16,000	13,000
Perbelanjaan Sewa	2,500	2,500	2,500
Faedah	1,900	E	700
Pembelian Aset	25,000	500	-
Jumlah Pembayaran	124,400	89,700	F
<hr/>			
Lebihan / (kurangan)	(34,400)	G	(1,200)
<hr/>			
Baki h/b	H	145,900	144,700

Berdasarkan butiran dalam Penyata X bagi Syarikat Melati Enterprise yang dinyatakan dalam jadual di atas, kirakan nilai berikut :

- i) A :
- ii) B :
- iii) C :
- iv) D :
- v) E :

- vi) F :
vii) G :
viii) H: [6 markah]

(b) Berikan **empat** kegunaan Penyata X. [4 markah]

(c) Terangkan **tiga** kepentingan rancangan perniagaan. [5 markah]

Bahagian C

[20 markah]

*Soalan ini **wajib** dijawab*

10. En. Fadhli telah menjalankan sebuah perniagaan menjual kasut di Queensbay Mall Pulau Pinang. Modal permulaan beliau adalah sebanyak RM300.000. Perniagaan beliau didaftarkan dengan kebenaran pihak syarikat induk yang beroperasi di Kuala Lumpur dengan jenama Kedai Kasut Summit. Beliau menjalankan perniagaan ini kerana beliau kurang mahir dalam pengurusan perniagaan. Pelbagai bantuan diberikan oleh syarikat induk bagi memastikan Kedai Kasut Summit mengikut piawaian yang ditetapkan.

Bagi memperkukuhkan lagi sistem operasi perniagaan Kedai Kasut Summit, En Fadhli telah melantik tiga orang pekerja sebagai pembantu beliau di pihak pengurusan. Beliau melantik mereka kerana perniagaan Kedai Kasut Summit menghadapi masalah dalam pengurusan jualan dan kewangan.

Selaras dengan kemajuan teknologi maklumat perniagaan, Kedai Kasut Summit telah menggunakan pelbagai aplikasi teknologi maklumat untuk memasarkan dan meluaskan pasaran. Aplikasi yang digunakan mampu mengatasi pesaing dalam perniagaan yang sama. Pelanggan boleh memilih pelbagai jenis dan corak kasut mengikut citarasa masing-masing. Selain itu, pelanggan juga boleh membuat tempahan khas kasut yang diingini.

En. Fadhli berharap perniagaan Kedai Kasut Summit akan terus berkembang maju serta mencapai sasaran yang ditetapkan.

Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan berikut:

- a) Apakah bentuk milikan perniagaan Kedai Kasut Summit? [1 markah]
- b) Jelaskan kelebihan yang diperolehi oleh En. Fadhli? [6 markah]
- c) Lakarkan struktur organisasi yang sesuai bagi Perniagaan Kedai Kasut Summit? [3 markah]

- d) Bagaimanakah aplikasi teknologi maklumat membantu perniagaan Kedai Kasut Summit?
[4 markah]
- e) Cadangkan prosedur mengurus sumber fizikal bagi perniagaan Kedai Kasut Summit.
[6 Markah]